



DETIK-DETIK
AKHIR
EMPAYAR
UTSMANIAH

M. ŞÜKRÜ HANIOĞLU

Penterjemah
Puspawati Rosman





DETIK-DETIK AKHIR EMPAYAR UTSMANIAH

M. Şükrü Hanioglu

Penterjemah
Puspawati Rosman

Penyunting
Aedi Asri



Detik-detik Akhir Empayar Utsmaniah

M. Şükrü Hanioglu

Buku ini merupakan terjemahan sah daripada *A Brief History of the Late Ottoman Empire* karya M. Şükrü Hanioglu edisi 2010 terbitan Princeton University Press. Hak eksklusif diperoleh daripada Princeton University Press untuk penterjemahan, penerbitan, pencetakan dan penjualan di Malaysia. Copyright © 2008 by Princeton University Press.

diterjemah oleh

Puspawati Rosman

disunting oleh

Aedi Asri

diterbitkan oleh

IBDE Ilham Sdn. Bhd.
7-2 Jalan Damar SD 15/1
Bandar Sri Damansara
52200 Kuala Lumpur

libde

penerbitan@bukuibde.com
www.bukuibde.com

dengan kerjasama

Media Selangor Sdn. Bhd.

dengan sokongan

Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Cetakan Pertama, 2023

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0037-49-3

© Hakcipta terpelihara. Kecuali petikan pendek bagi tujuan ulasan, tiada pihak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian tulisan dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Buku IBDE (IBDE Ilham Sdn. Bhd.).

penyelaras projek

Abdullah Hussaini

pengarah seni

Karim Mohd

rekaletak halaman

Fakhri Affandi

pembaca proof

Diyannah Roslan

ilustrasi kulit & kertas hujung

Asyiqin M. Zin

dicetak di

Vivar Printing Sdn. Bhd.
25 & 27 FS
Taman Industri Integrasi Rawang
48000 Rawang, Selangor

Untuk mendapatkan maklumat lanjut
berkenaan jualan dan pagedaran judul-
judul terbitan Buku IBDE, sila hubungi:
BAHAGIAN JUALAN & PEMASARAN
jualan@bukuibde.com

956.015
HAN

Buat Arseo



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA



*Mazi ve müstakbel ahvâlîne vakıf ve belki ezel ve ebed esrarını
ârif olmağa insanda bir meyl-i tabii olduğundan ale-l-umum nev'-i
beşerin bu fenne [tarih] ihtiyac-ı ma'nevîsi derkârdır.*

Memandangkan manusia mempunyai kecenderungan semulajadi untuk memahami keadaan silam dan masa depan, dan mungkin juga untuk mengungkai rahsia keabadian silam dan masa depan, ternyata rohani manusia memerlukan sains [sejarah] ini.

—AHMED CEVDET, *Tarih-i Cevdet*, 1 (Istanbul: Matbaa-i Osmaniye, 1309 [1891]), hlm. 16–17



Daftar Isi

<i>Senarai Rajah</i>	<i>x</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>xiii</i>
<i>Catatan tentang Transliterasi, Nama Tempat dan Tarikh</i>	<i>xv</i>
Pengenalan	1
1. Empayar Utsmaniah Menjelang Abad ke-19	9
2. Reaksi Awal Empayar Utsmaniah Terhadap Cabaran Kemodenan	55
3. Bermulanya Zaman Reformasi	73
4. Era Tanzimat	95
5. Detik-detik Akhir Era Tanzimat dan Rejim Hamidian	145
6. Daripada Revolusi kepada Keruntuhan Empayar: Dekad Paling Mencabar Era Akhir Utsmaniah	199
Rumusan	265
<i>Bacaan Lanjut dalam Bahasa-bahasa Utama Eropah</i>	<i>277</i>
<i>Daftar Pustaka</i>	<i>283</i>
<i>Tentang Pengarang</i>	<i>297</i>
<i>Daftar Kata</i>	<i>299</i>

Senarai Rajah

1. Empayar Utsmaniah pada sekitar tahun 1795
2. Peta yang menunjukkan “Afrika Utsmaniah” termasuk “Kerajaan (Amiriah) Tunis” dan “Wilayah (*Hutta*) Algeria”
3. Lakaran Utsmaniah bertarikh 23 Januari 1818 menggambarkan kubu Shaqrā’
4. Lukisan (sekitar tahun 1791) menggambarkan Sultan Selim III (kanan) dan Wazir Besarnya Koca Yusuf Pasha (kiri)
5. Sultan Mahmud II berbusana tradisional sebelum kejatuhan Janisari pada tahun 1826
6. Sultan Mahmud II berpakaian seragam baru selepas kejatuhan Janisari
7. Wilayah dan kerajaan kecil berautonomi Utsmaniah di Eropah pada tahun 1833
8. Rekod pengurusan harta pusaka Gabenor Mehmed Haydar Pasha ibnu Abdullah (1849) mengumpul buku-bukunya
9. Karya kartun Utsmaniah menggambarkan perbualan antara wanita tradisional dengan wanita moden
10. Ahli-ahli Dewan Rakyat Utsmaniah pada tahun 1877
11. Empayar Utsmaniah selepas Kongres Berlin 1878
12. Sultan Abdülhamid II pada awal pemerintahannya
13. Halaman pertama jurnal *Terakki* (Kemajuan) bertarikh 20 Mac 1901
14. Kongres Liberal Utsmaniah di Paris, Februari 1902
15. Revolusi Turki Muda di Monastir, 23 Julai 1908
16. Pilihanraya tahun 1908. Orang ramai membawa peti undi ke pusat pengiraan undi
17. Ahli-ahli dewan Utsmaniah pada tahun 1908
18. Angkatan Tentera Bertindak di Istanbul, 24 April 1909
19. Nota Jawatankuasa Pusat CUP bertarikh 8/9 Jun 1909
20. Demonstrasi di hadapan Sublime Porte sejurus selepas serbuan CUP pada 23 Januari 1913

21. Cawangan Banco di Roma di Tripoli (sekitar tahun 1909)
22. Pembahagian wilayah-wilayah empayar di Eropah selepas Perang Balkan 1912–13
23. Pelarian beragama Islam dari negara-negara Balkan di ibu kota empayar (Disember 1912)
24. Garis yang memisahkan lingkungan pengaruh British dan Utsmaniah menurut Konvensyen Inggeris-Utsmaniah 1914
25. Belkis Şevket menaiki pesawat Bleriot XI/B Utsmaniah bersama Kapten Fethi Bey
26. Pembahagian Empayar Utsmaniah menurut Perjanjian Sèvres 1920
27. Turki dan lain-lain negara pengganti menurut Perjanjian Lausanne 1923



Penghargaan

Sepanjang melakukan penyelidikan dan menulis buku ini saya berasa sangat terhutang budi, pertama sekali kepada Michael A. Cook dan Jesse Ferris yang membaca draf demi draf keseluruhan manuskrip dan menawarkan bantuan untuk menyediakan susun atur teks. Mereka juga menarik perhatian saya kepada perkara-perkara yang saya mungkin terlepas pandang. Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan sekerja yang bijaksana, András P. Hámori dan Stephen Kotkin yang membaca draf akhir dan memberi ulasan serta cadangan yang sangat baik. Begitu juga kepada rakan-rakan sekerja iaitu Mustafa Aksakal, Nancy Coffin, Robert P. Finn, Said Öztürk, İskender Pala, dan Milen Petrov kerana sudi menjawab banyak sekali pertanyaan dan memberi maklumat berharga. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada dua orang pengulas tanpa nama kerana memberi komen berwawasan untuk memperbaiki buku ini.

Terima kasih khususnya kepada Princeton University Press kerana menjalankan tugas sukar ini dengan amat teliti. Editor di Princeton University Press iaitu Brigitta van Rheinberg dan Sara Lerner menjawab begitu banyak soalan dengan cekap dan ramah, memenuhi semua permintaan dan menyelaraskan penerbitan. Pakar ilustrasi Dimitri Karetnikov berjaya menghasilkan ilustrasi yang nampak lebih baik daripada yang asal. Karen M. Verde yang begitu teliti dan profesional dalam kerjanya sebagai penyunting naskhah sangat melangkaui jangkaan saya. Saya juga berterima kasih kepada Dr. Christopher L. Brest atas bantuannya menyediakan peta-peta.

Saya terhutang budi kepada pentadbiran *Başbakanlık Osmanlı Arşivi* (Arkib Perdana Menteri Utsmaniah) dan *Müftünlük Arşivi* (Arkib Mufti), kedua-duanya di Istanbul, bukan sahaja kerana memberi akses kepada koleksi mereka tetapi juga kebenaran untuk menerbitkan semula banyak ilustrasi yang dipaparkan dalam buku ini. Saya juga mahu

berterima kasih kepada Mehmet Darakçioğlu, Dr. Fatmagül Demirel, İffet Baytaş dan Sabit Baytaş atas bantuan mereka mendapatkan beberapa ilustrasi tersebut. Terima kasih juga diucapkan kepada para pengurus dan kakitangan pejabat Jabatan Pengajian Timur Dekat: Kathleen O'Neill, Christine Riley, Angela Bryant, Danette Rivera, Pinar Gibbon, dan Tammy M. Williams atas sokongan teknikal yang berterusan sepanjang penyediaan kajian ini.

Saya berbesar hati ingin merakamkan terima kasih kepada Jawatankuasa Penyelidikan Pusat Pengajian Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti atas pemberian geran bagi membiayai kos penyelidikan saya di Istanbul pada tahun 1994 dan 2001. Saya kumpul semua data berkenaan buku-buku yang dibaca kelas pemerintah (*askeri*) Utsmaniah dan konstitusionalisme Utsmaniah sepanjang tempoh kedua-dua penyelidikan tersebut.

Akhir sekali dan tidak kurang pentingnya, terima kasih kepada isteri saya Arsev kerana sekali lagi sanggup berkorban waktu yang saya gunakan untuk mengusahakan sebuah lagi buku.


MŞH
Princeton, NJ
Mei 2007

Catatan tentang Transliterasi, Nama Tempat dan Tarikh

Nama dan gelaran dalam bahasa Turki Utsmaniah dipaparkan menurut penggunaan bahasa Turki moden dan bukannya transliterasi yang tegar. Nama dan gelaran ditransliterasi menurut sistem yang telah dipermudahkan sedikit berdasarkan *Jurnal Antarabangsa Pengajian Timur Tengah* (IJMES). Bagi nama-nama geografi yang kerap dijumpai dalam bahan-bahan berbahasa Inggeris, bahasa Inggeris yang biasa lebih cenderung digunakan. Oleh yang demikian kita ada *Damascus* (Damsyik), *Monastir* dan *Salonica* (Salonika), bukannya *Dimashq*, *Bitola* dan *Thessaloniki*. Bagi nama-nama tempat lain, demi mengelakkan kekeliruan, nama negara yang tertubuh selepas kejatuhan Empayar Utsmaniah di Balkan dan Timur Dekat pada hari ini digunakan. Selaras dengan *The Chicago Manual of Style*, istilah-istilah asing cuma ditulis secara condong untuk sebutan kali pertama sahaja. Tarikh Gregory yang sama dengan tarikh Hijrah Islam dan Rumi ditulis dalam tanda kurung siku apabila dirasakan perlu. Takwim Hijrah ialah takwim qamari dan bermula dari tahun Hijrah T.M. 622; takwim Rumi ialah takwim Hijrah versi suria berdasarkan takwim Julius.

Negara-negara bawah Naungan Empayar Utsmaniah

- A Kerajaan Guria (bawah Rusia pada 1811)
- B Kerajaan Mingrelia (perindungan Rusia pada 1806, pengilhakan Rusia pada 1867)
- C Kerajaan Imeretia (bawah Rusia pada 1810)
- D Kerajaan Abkhazia (bawah Rusia pada 1810)
- E Kerajaan Swartetia (merdeka pada 1810, perindungan Rusia pada 1833, pengilhakan Rusia pada 1857)



•Vienna
AUSTRIA

Kerajaan-kerajaan kecil berautonomi
Bogdan (Moldavia)
Elik (Wallachia)
Silistire

Wilayah Rumlili
Karamanli (Karaman)
Manastir (Manastir)

Dubrovnik (Ragusa)
Republik Berautonomi
Negeri lindungan empayar Utsmaniah

Ionian (Venice)
Wilayah Mora

Wilayah Hanya (Caucia)

Wilayah Girit

Trablusgub (Tripoli)

Bingazi

Trablus Garb (Tripoli Bara)-Benghazi
(Wilayah Tripoli dan Barqah)
Kerajaan Berautonomi Karamanli,
Trablus Garb
(Tripoli Barat)-Benghazi

Wilayah Mesir
Kahtir (Kahterah)

Wilayah Cide (Jeddah)

Medinah

Rusia

Sinop

Trabzon

Samsun

Rize

Amasya

Kastamonu

Ankara

Bursa

Konya

Adana

Antakya

Iskenderun

Rakka

Trablus

Syria

Hamah

Latakia

Nicosia

Kypros

Magosa

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus


Trablus

Trablus

Trablus

Trablus

Trablus



Rajah 1. Empayar Utsmaniah pada sekitar tahun 1795



Pengenalan

Buku ringkasan sejarah ini cuba mencakup perjalanan hampir satu setengah abad perubahan maha besar yang berlaku di sebuah kawasan geografi yang besar. Bukan itu sahaja, buku ini bercita-cita meletakkan peristiwa-peristiwa yang berlaku antara tahun 1798 hingga 1918 dalam konteks tersebut dengan menggambarkan hakikat sebenar Empayar Utsmaniah pada penghujung abad ke-18 melalui latar belakang serta sejumlah perbincangan tentang peninggalan Empayar Utsmaniah akhir kepada negara-negara bangsa baru yang tertubuh selepas kehancurannya. Pemampatan begitu banyak sejarah dalam sebuah buku yang ringkas lagi padat sudah tentu memerlukan pemilihan dan pengabaian tertentu, dan memberi keutamaan kepada trend dan analisis berbanding fakta dan maklumat tepat. Demikianlah sifat umum usaha kerja ini yang memustahilkan perbincangan menyeluruh mana-mana isu atau lapangan tertentu. Para pakar sejarah—sama ada kebudayaan, diplomasi, intelektual, kesusasteraan, ketenteraan, politik, sosial atau ekonomi—mungkin akan agak kecewa dengan hasilnya. Bagaimanapun mereka boleh berasa sedikit tenang dengan adanya usaha untuk menyepadukan kemajuan-kemajuan yang dicapai dalam pelbagai cabang lapangan ke dalam satu rangka kerja umum yang boleh menawarkan pendekatan baru bagi kajian sejarah Empayar Utsmaniah akhir.

Terdapat juga masalah yang lebih bersifat ideologi. Manusia biasanya gagal mempertimbang hal luar jangka sejarah. Hal ini diparahkan lagi dengan naratif nasionalisme yang lazim di negara-negara yang lahir daripada keruntuhan empayar sehingga sejarah Utsmaniah akhir dilihat dalam bentuk yang terlalu bersifat teleologi. Kemunculan Republik Turki di Anatolia dan negara-negara bangsa di sekitar kawasan politik Utsmaniah yang hancur sering dianggap sebagai akibat yang sudah dijangka dan tak terelakkan bagi sebuah empayar

yang sedang mengalami kemerosotan dan mempunyai banyak wilayah yang berselerakan. Pada pandangan saya pendekatan retrospektif yang digunakan bagi mengkaji sejarah Empayar Utsmaniah akhir menjadi halangan utama untuk melihat zaman tersebut dengan sebenar-benarnya. Pendekatan tersebut terutamanya mengganggu proses-proses utama sejarah apabila proses-proses tersebut dikeluarkan daripada konteks sejarah dan diletakkan dalam rantaian peristiwa yang telah siap disusun, membawa kepada dunia pascaempayar seperti yang diketahui sekarang. Tujuannya bukanlah untuk menafikan kepentingan hubungan negara bangsa yang menggantikannya—terutamanya Turki—dengan sejarah silam Utsmaniah; sebaliknya, membetulkan asal usul sejarah fenomena moden adalah satu usaha yang amat penting dan wajar. Bagaimanapun, percubaan untuk merangka sejarah Utsmaniah akhir dalam naratif kejatuhan empayar disebabkan arus kemajuan yang berterusan—yang selalunya dikaitkan dengan pembaratan, nasionalisme dan pensekularan—menghalang pemahaman jelas tentang perkembangan tersebut. Buku ini bermatlamat untuk membetulkan kesilapan ini.

Mungkin satu gambaran boleh membantu menjernihkan perkara ini. Pemahaman yang mendalam dan membangkitkan perasaan tentang ideologi puak pendukung Republik Turki semestinya melibatkan kajian semula tentang para perintis intelektual pada zaman Utsmaniah akhir. Namun penilaian yang bernuansa dan mengikut konteks perdebatan ideologi zaman Utsmaniah akhir seharusnya mengelak daripada meletakkan hakikat sejarah yang berlaku lebih awal dan berbeza sama sekali ke dalam ruang yang sama dengan hakikat sejarah pergelutan antara sekularis revolusioner dan konservatif agama yang berlaku kemudian. Begitu juga, tidak memadai untuk memudahkan hakikat sejarah dengan sekadar memberi gambaran tentang pertentangan dua kem khayalan yang masing-masing mengangkat panji kemajuan saintifik dan obskurantisme agama—seperti yang terlalu kerap dilakukan pengulas-pengulas moden yang dibutakan oleh hakikat republik moden. Dalam konteks ini, karya seperti *The Genesis of Young Ottoman Thought*¹ penting kerana membetulkan tanggapan kononnya Utsmaniah Muda adalah sekularis penentang obskurantisme agama yang menjadi antara penyebab terhasilnya republikanisme sekular;

1 Serif Mardin, *The Genesis of Young Ottoman Thought: A Study in the Modernization of Turkish Political Ideas* (Princeton: Princeton University Press, 1962).

mereka sebenarnya lebih kepada penyokong kritik yang Islamik dan tersendiri terhadap tata Utsmaniah baru pada tahun 1860-an.

Oleh itu, bagi mengesan asal usul ideologi rasmi Turki moden dalam sejarah Utsmaniah akhir, mula-mula saya cuba sediakan satu penerangan sejarah Utsmaniah akhir yang tidak menggambarannya sebagai misi teleologi. Lebih umum, saya mengelak kecenderungan popular yang mengelirukan iaitu melihat sejarah Utsmaniah akhir terutamanya dari segi pergelutan antara ideologi yang bersaing. Meskipun, antara tugas yang saya sendiri tetapkan adalah untuk mengisi salah satu lompong yang besar dalam kajian zaman Utsmaniah akhir—yakni sejarah intelektual—saya menyimpulkan bahawa idea-idea yang dibahaskan bukan faktor penggerak perubahan sejarah. Satu analisis mengikut konteks perkembangan sejarah yang paling penting pada zaman tersebut memberi keutamaan bukan pada ideologi sebagai daya penggerak sejarah, tetapi pada beban yang menekan keadaan sehingga menyekat kebebasan penggubal dasar yang realistik yang mahu melakukan pembaharuan. Contohnya, jika kita menjelaskan dasar Islamis yang diterima pakai oleh sekularis tegar iaitu Jawatankuasa Kesatuan dan Kemajuan (selepas ini dirujuk sebagai CUP), pertama sekali kita mestilah mengakui bahawa percanggahan sedemikian wujud (yang mustahil jika dilihat dari perspektif pendukung Republik), dan kemudian melihat hakikat struktur—seperti peningkatan warga beragama Islam dalam empayar pimpinan CUP yang diwarisi daripada pendahulunya yang warak—bagi menjelaskan percanggahan tersebut. Begitu juga, jika kita mahu memahami dasar pemodenan Abdülhamid II, mula-mula sekali kita mesti mengelakkan jerat yang mengaitkan pemerintahannya dengan kewarakan yang ketinggalan zaman, dan kemudian membuat perbandingan dengan empayar di Eropah, antaranya untuk memahami reaksi baginda terhadap cabaran-cabaran pada masa itu.

Naratif saya lebih menekankan proses dan trend sejarah berbanding satu-satu peristiwa, meletakkan proses dan trend tersebut dalam rangka kerja analitis dengan empat dimensi utama: cita-cita berterusan Empayar Utsmaniah untuk memusatkan pemerintahan, konteks sosioekonomi yang berubah-ubah, cabaran utama empayar tersebut dalam merangka gerak balas terhadap kemodenan, dan perlunya menyepadukan sejarah Utsmaniah dengan sejarah dunia. Biar saya terangkan satu demi satu.

Pertama, apabila naratif nasionalis menggambarkan perjuangan rakyat tertindas untuk memerdekakan diri daripada belenggu Turki, saya memperkenalkan satu paradigma pergelutan antara matlamat empayar untuk memusatkan pemerintahan dengan pelbagai daya emparan. Ketika pusat pemerintahan memanfaatkan teknologi moden dalam usaha besar untuk memusatkan dan memodenkan jentera kawalan terhadap wilayah pinggirnya yang tidak dikawal rapi, gerakan-gerakan nasionalis, aspirasi pemerintah tempatan dan pencerobohan antarabangsa pula menolaknya dengan lebih kuat ke arah bertentangan. Berdasarkan ini, nasionalisme memberi rangka kerja ideologi yang baru dan kuat untuk menggerakkan massa dalam pergelutan lama yang berterusan antara pusat dan wilayah pinggir.

Kedua, pergelutan antara pusat dan wilayah pinggir melibatkan transformasi penuh tatanan lama empayar. Reformasi pentadbiran melibatkan perubahan mendadak dalam hubungan ekonomi, budaya Utsmaniah dan struktur masyarakat. Oleh yang demikian, saya berpendapat perlu untuk melihat perkembangan sosial, budaya dan ekonomi dalam konteks yang lebih besar ini dan bukannya sebagai fenomena yang berlaku secara berasingan. Mengenai soal gagasan, di sini saya juga mengelak daripada kecenderungan untuk menganggap perkembangan sejarah berpunca daripada perjuangan sosial atau ekonomi sahaja. Sama seperti tiada gunanya mencari asal usul Revolusi Turki Muda dalam kenaikan inflasi, misalnya. Juga mengelirukan jika menganggap penentangan terhadap media cetak berpunca daripada “ketaasuban agama” semata-mata dan pada masa sama mengabaikan asas sosioekonomi penentangan ini dalam kalangan beribu-ribu individu yang mencari nafkah melalui penghasilan manuskrip. Perkembangan sejarah zaman Utsmaniah bukannya berpunca daripada satu sebab sama ada ekonomi, sosial atau budaya, tetapi terkesan daripada ketiga-tiganya sekali.

Ketiga, berbanding menulis dari sudut pandang lapuk iaitu pemodenan dan pembaratan, saya cuba menulis dari segi gerak balas Utsmaniah terhadap cabaran-cabaran yang dibawa arus awal kemodenan. Bukan Empayar Utsmaniah saja yang berdepan soal mengadaptasi kemodenan. Namun tugasnya mungkin lebih sukar berbanding negara-negara Eropah kerana kemodenan pada asalnya satu fenomena Eropah (meskipun versi kemodenan Utsmaniah yang

berbeza boleh dikatakan telah muncul menjelang penghujung abad ke-19). Kerajaan-kerajaan Eropah yang sezaman juga berdepan cabaran serupa dengan gerak balas yang serupa, yang bukanlah tidak disedari oleh pemerintahan Utsmaniah. Lebih penting, menganalisis transformasi masyarakat sebagai reaksi pentadbiran dan masyarakat terhadap cabaran luaran sekali lagi mengelakkan kita daripada melihat perubahan sebagai sesuatu yang didorong oleh ideologi pemodenan. Hal ini bukan untuk menafikan bahawa pemodenan dan pembaratan lambat-laun akan menjadi slogan-slogan yang bermakna tetapi untuk menegaskan bahawa gambaran mudah berkenaan pertembungan dua jurang yang tidak dapat dihubungkan lagi, iaitu antara penentangan tanpa kompromi terhadap kemodenan dengan penerimaannya secara menyeluruh, sebahagian besarnya adalah satu rekaan. Konstitusionalisme Utsmaniah Muda yang dulunya berakar umbi daripada prinsip-prinsip Islam dan konstitusionalisme Turki Muda terkemudian yang berasaskan pandangan yang sangat sekular berkongsi lebih banyak persamaan daripada yang diakui ramai. Begitu juga, gerak balas “Khalifah yang warak” Abdülhamid II terhadap cabaran pemodenan tidak jauh beza dengan datuknya Mahmud II yang digelar “sultan yang kufur” oleh kalangan orang Islam yang warak. Pembaratan juga bukanlah sekadar suatu pengimportan. Ia proses pembudayaan yang agak rumit di mana gagasan, cara dan institusi Barat diterima pakai secara terpilih dan berkembang menjadi bentuk yang berlainan dalam konteks yang berlainan.

Keempat, saya telah cuba menggambarkan sejarah Utsmaniah sebagai bahagian penting sejarah Eropah dan dunia yang lebih besar. Menyepadukan sejarah Utsmaniah ke dalam sejarah dunia tidak bermakna menempatkannya dalam kerangka teori yang gah, misalnya “teori Tatanan Dunia,” atau menjadikannya satu statistik perdagangan semata-mata. Bagaimanapun ia sememangnya melibatkan pengenalan semula satu bidang kajian yang sudah lama terabai dan ketinggalan zaman, iaitu sejarah diplomasi. Selepas Kongres Vienna pada tahun 1815, Empayar Utsmaniah terlibat sepenuhnya dengan pergelutan kuasa di Eropah. Hal ini menyebabkan sejarah Utsmaniah akhir tidak akan dapat difahami jika dilihat secara terpisah dengan sejarah Eropah. Kisah penjajahan Eropah, persaingan strategik Inggeris-Rusia, usaha Austria untuk kestabilan—semuanya menjadi kunci yang sangat penting

bagi memahami dasar Utsmaniah pada-abad ke-19. Dengan melihat dasar luar Utsmaniah melalui kanta paradigma pemusatan seperti yang ditekankan di atas kita dapat melihat kembali bentuk hubungan kerajaan Utsmaniah dengan Kuasa-kuasa Besar Eropah dari perspektif pemimpin ketika itu. Ia menyerlahkan ketegangan antara kehendak Eropah untuk melihat entiti Utsmaniah yang lemah dipecahbagi kepada zon-zon berautonomi yang terbuka kepada perdagangan dan pengaruh Eropah dengan kehendak pusat pemerintahan Utsmaniah untuk meluaskan kawasan di bawah kawalan langsungnya. Tambahan pula, bagi memahami kejatuhan muktamad empayar tersebut pada abad ke-20, kita juga mesti melihat ke luar empayar. Lagipun bukan dinamik dalaman empayar yang membunyikan loceng maut tanda berakhirnya “Orang Sakit Eropah,” akan tetapi puncanya ialah tata baru antarabangsa yang dibawa Perang Dunia Pertama. Meskipun kerajaan Utsmaniah kurang kuasa semulajadi untuk berubah menjadi empayar jenis baru yang lebih sesuai dengan zaman moden—sepertimana jirannya, Kesatuan Soviet buat seketika—pemimpin mereka mungkin boleh memanjangkan usia empayar lebih lama lagi jika mereka memilih keberkecualian bersenjata pada tahun 1914.

Akhir sekali, sepatah kata tentang sumber. Kekurangan sumber tempatan yang dapat membantu membina semula sejarah Utsmaniah akhir dari pandangan sisi memaksa kita menerima pakai rekod-rekod birokrasi pusat yang terjaga dengan baik. Langkah terbaik untuk mengelakkan kesilapan besar atas bergantungungan terhadap bahan-bahan bukti sedemikian ialah dengan tidak menganggap dokumen kerajaan tersebut sebagai cerminan peristiwa dari lapangan yang boleh dipercayai sepenuhnya, namun sebagai tafsiran peristiwa yang sudah disaring. Semestinya sifat umum kajian ini memperkukuh penekanan terhadap kerajaan, agensi-agensi dan masyarakatnya—lebih daripada terhadap individu. Namun saya masih cuba selagi boleh untuk menyampaikan pandangan orang biasa tentang perubahan besar yang berlaku di sekelilingnya, walaupun secara ringkas.

Walaupun kajian ini bersifat umum, saya rasa ada manfaatnya jika turut dimasukkan bahan daripada sumber arkib asal berhubung dengan sejarah dan karya yang dihasilkan semasa zaman Utsmaniah akhir. Meskipun buku ini langsung tidak berhasrat untuk merevolusikan subjek ini dengan penemuan arkib baru, pendekatan ini diharap dapat

memperkaya sudut pandang pembaca terhadap sejarah Utsmaniah akhir. Saya juga merujuk monograf-monograf utama yang menumpukan pelbagai aspek sejarah Utsmaniah akhir, dan pada masa sama menjauhkan diri daripada membuat rujukan terlalu terperinci terhadap kajian-kajian umum zaman tersebut. Hal ini bagi mengelakkan tulisan ini sekadar menjadi rumusan tentang kerja-kerja sekunder ini. Akhir sekali, bagi memperluas tema pokok kisah ini saya cuba menyediakan maklumat yang agak kuantitatif namun terkawal supaya tulisan ini tidak bertukar menjadi satu siri statistik dan jadual.

 Siri Pencerahan Selangor

Libde

Pada November 1922, banyak pihak tergamam apabila khilafah tertua Islam secara rasminya runtuh. Apakah punca-puncanya? Bagaimana ia rebah? Melalui kajian yang amat teliti, M. Şükrü Hanioğlu memperincikan gambaran Empayar Utsmaniah pada zaman geloranya dari tahun 1789 hingga 1918. Pembaca akan dibawa mengenali kekuatan, kelemahan dan ketahanan sebuah empayar yang berada di ambang kejatuhan sebelum menemui makna tersembunyi daripada puing-puing runtuhannya.

TENTANG PENGARANG

M. Şükrü Hanioğlu adalah profesor di Jabatan Pengajian Timur Dekat di Universiti Princeton. Sepanjang kerjaya akademiknya, sarjana Turki ini telah mengarang beberapa buah buku tentang zaman penghujung Empayar Utsmaniah antaranya *Preparation for a Revolution* dan *The Young Turks in Opposition*.

Dengan sokongan

Dengan kerjasama



BERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
BERDANA